

Umno Kedah kekalkan muka lama
FreeMalaysiaToday
April 17, 2012

Tinjauan mendapati ketua bahagian atau wakil rakyat dicalonkan secara automatik sama ada bagi kerusi Parlimen mahu pun Dewan Undangan Negeri (DUN).

PETALING JAYA: Beberapa bahagian Umno Kedah masih mengekalkan muka lama untuk menjadi calon dalam pilihan raya umum ke 13.

Tinjauan mendapati ketua bahagian atau wakil rakyat dicalonkan secara automatik sama ada bagi kerusi Parlimen mahu pun Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kubang Pasu mengekalkan semua tiga wakil mereka – seorang ahli Parlimen dan dua wakil kerusi Dewan Undangan Negeri – yang menang dalam pilihan raya umum 2008.

Datuk Johari Baharum, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dikekalkan untuk kerusi Parlimen manakala Ahmad Zaini Jaafar (DUN Bukit Kayu Hitam) dan Datuk Saad Man (DUN Jitra).

“Hanya nama mereka yang dihantar oleh Umno Kubang Pasu kepada Umno negeri sebelum dilanjutkan kepada ibu pejabat parti di Kuala Lumpur.

“Kita mengekalkan mereka kerana sokongan rakyat sehingga membawa kemenangan berbanding ramai calon Umno di tempat lain kalah.

“Untuk pilihan raya ini (ke 13), kita hanya menghantar Johari untuk Kubang Pasu; Ahmad Zaini Bukit Kayu Hitam dan dan Saad bagi Jitra.

“Nama lain tidak dihantar walaupun kita boleh menghantar tiga nama,” kata Setiausaha Umno Kubang Pasu, Samsudin Ahmad.

Bagaimanapun, Umno Merbok mencalonkan empat nama bagi kerusi Parlimen, manaka untuk kerusi DUN ia diserahkan kepada pucuk pimpinan parti.

Empat nama kerusi Parlimen ialah ketua bahagian Datuk Tajul Urus Mat Zin; AJK Abdul Rahman Ahmad; Ketua Pemuda Saiful Hazizi Zainal Abidin dan Ketua Wanita Hafisah Ahmad.

Calon kitar semula

Tajul Urus pernah bertanding pada 2008 tetapi kalah kepada Datuk Johari Abdul dari PKR.

Bagaimanapun, menurut Abdul Rahman, Tajul Urus dicalonkan sekali lagi kerana beliau sentiasa bekerja kuat kepada penduduk setempat walaupun bukan wakil rakyat.

“Kita mencalonkan semula Tajul Urus kerana beliau antara paling menonjol di kawasan Parlimen ini dan kekalahan pada 2008 pula dengan majoriti kecil sahaja,” katanya.

Manakala Umno Pokok Sena mencalonkan Ketua Bahagian Datuk Ahmad Lebai Sudin untuk kerusi Parlimen.

Bagi kerusi DUN Bukit Pinang, tiga nama yang dicadangkan ialah Said Ali (Timbalan Ketua); Datuk Salmah Mat Isa (Ketua Wanita) serta seorang AJK.

"Umno bahagian hanya membuat cadangan tetapi Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menentukannya.

"Kita menerima sesiapa sahaja yang dipilih," kata Ahmad ketika dihubungi.

Ketua Umno Pendang Datuk Rozai Shafian berkata, bahagian itu menghantar semua 36 AJKnya kepada Umno negeri untuk kerusi Parlimen dan DUN Tokai dan Sungai Tiang.

Katanya, jika bahagian yang memilih akan timbul anggapan di kalangan mereka bahawa Umno mahu membunuh mereka.

"Semua tahu, Umno di Pendang kritikal dan rapuh. Jadi kita serahkan kepada pimpinan tinggi untuk membuat pilihan daripada nama yang kita hantar," tambahnya.

Dalam pilihan raya 2008, Umno kalah di Parlimen dan DUN Tokai – kedua-duanya kepada wakil PAS.

Manakala BN menang kerusi Sungai Tiang melalui calon Gerakan.

Copyright (C) 2009-2012 MToday News Sdn. Bhd.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/04/17/umno-kedah-kekalkan-muka-lama/>